



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BILANGAN 3 TAHUN 2010

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH CAWANGAN PERNIAGAAN AGENSI PERSENDIRIAN / SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN DI BAWAH AKTA EJENSI PERSENDIRIAN 1971

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Kawalan Keselamatan Persendirian mengenai **Garis Panduan Permohonan Tambah Cawangan Perniagaan Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Di Bawah Akta Ejensi Persendirian 1971**.

LATAR BELAKANG

2. Mengikut Seksyen 3(2), Akta Ejensi Persendirian 1971 menetapkan bahawa *Menteri boleh mengenakan syarat ke atas lesen itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini manakala Seksyen 18 (h) pula menetapkan bahawa *Menteri boleh membuat kaedah-kaedah secara am untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dan kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan secara am bagi maksud melaksanakan Akta ini*.*

3. Pada tahun 2006, Kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1 Tahun 2006 bagi menjelaskan peranan dan obligasi

pemilik syarikat kawalan keselamatan dalam mengendali dan menguruskan agensi persendirian termasuk penambahan cawangan.

4. Syarikat kawalan keselamatan merupakan satu perkhidmatan yang penting dalam membantu PDRM untuk menjaga keselamatan awam. Sejak kebelakangan ini, Kementerian mendapati banyak rungutan dan rasa tidak puas hati mengenai kelemahan pengendalian dan perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan. Antaranya:

- 4.1 memajak atau menyewa lesen agensi persendirian melalui tambahan cawangan syarikat;
- 4.2 tidak mempunyai pejabat cawangan;
- 4.3 menguruskan cawangan secara tidak profesional;
- 4.4 melantik pengurus cawangan yang telah dilantik syarikat lain; dan
- 4.5 tidak memohon kelulusan Kementerian bagi penambahan cawangan baru.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH CAWANGAN PERNIAGAAN AGENSI PERSENDIRIAN / SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN DI BAWAH AKTA EJENSI PERSENDIRIAN 1971

5. Kementerian telah mengkaji dan menyemak semula syarat/peraturan sedia ada yang bertujuan untuk memperkemasnya agar sejajar dengan hasrat Kementerian untuk memartabatkan industri kawalan keselamatan ke arah yang lebih kompetatif dan berdaya maju. Tambahan pula, sebelum ini tiada satu peraturan yang jelas mengenai penubuhan/penambahan cawangan oleh syarikat kawalan keselamatan. Keadaan ini menyebabkan syarikat kawalan keselamatan menubuh/menambah cawangan tanpa merujuk dan mendapat kelulusan daripada Kementerian terlebih dahulu.

6. Semua syarikat kawalan keselamatan **DIKEHENDAKI** mematuhi **Garis Panduan Permohonan Tambah Cawangan Perniagaan Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Di Bawah Akta Ejensi Persendirian 1971.** seperti di **LAMPIRAN A.**

KUASA-KUASA BERKAITAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3(2) dan Seskyen 18, Akta Ejensi Persendirian 1971 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan.

8. Kegagalan syarikat mematuhi syarat/peraturan pengendalian dan pengurusan agensi persendirian di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 akan menyebabkan syarikat akan dikenakan tindakan mengikut Akta berkenaan

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 3 Tahun 2010 ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM)
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh: 21 Jun 2010

Salinan kepada:

Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (KPKK)